



يأياسن شباغون اركونومج اسلام ماليسيا
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

HEBAHAN JAWATAN KOSONG

Kami ingin mempelawa permohonan daripada warganegara Malaysia tidak kurang daripada umur 40 tahun yang berkeelayakan, komited dan berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan pelantikan secara kontrak sebagaimana yang berikut:

MAKLUMAT JAWATAN

| | | |
|-----------------------|---|----------------------------------|
| Nama Perjawatan | : | KETUA SEKSYEN SYARIAH |
| Jawatan | : | Pengurus Eksekutif |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan Profesional |
| Gred Jawatan | : | PP5 |
| Gaji | : | Min RM6,200.00 – Max RM10,700.00 |
| Status Tawaran | : | Kontrak (2 tahun) |

DESKRIPSI TUGAS

1. Bertanggungjawab membuat perancangan, pelaksanaan serta pemantauan program/aktiviti/produk YaPEIM dan Kumpulan, bagi memenuhi keperluan Syariah berpandukan nasihat Jawatankuasa Syariah.
2. Menjalankan tugas-tugas berkaitan selaku Sekretariat kepada Jawatankuasa Syariah.
3. Menjalankan kajian ke atas isu-isu dan perkembangan semasa berkaitan Syariah untuk dilaksanakan di YaPEIM dan Kumpulan.
4. Bertanggungjawab untuk mengenalpasti program penarafan serta menyediakan kaedah pemantauan terhadap pematuhan Syariah dalam pelaksanaan program/aktiviti/produk YaPEIM dan Kumpulan.
5. Menjalankan, membangunkan dan menyampaikan (deliver) modul latihan berkaitan pematuhan Syariah secara korelasi dengan pelbagai bidang yang relevan dengan Kerjasama Seksyen-Seksyen/IMP/IBK yang berkaitan.
6. Menjalankan dan mengawal isu-isu kritikal berkaitan pematuhan Syariah.
7. Mengumpulkan maklumat dan cadangan berkaitan untuk mendapatkan nasihat dan keputusan daripada Jawatankuasa Syariah.
8. Menyediakan panduan, maklumat atau SOP yang berkaitan untuk dijadikan rujukan dalaman YaPEIM dan Kumpulan.
9. Hubungkait dalam organisasi termasuk penyelarasan tugas dengan fungsi pemantauan dan pematuhan dengan Kerjasama Seksyen Audit Dalaman.
10. Menyelaraskan program dan aktiviti kerohanian/keagamaan untuk warga YaPEIM dan Kumpulan dengan kerjasama Seksyen Sumber Daya Insani dan Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi.
11. Membangunkan petunjuk-petunjuk prestasi utama (key performance indicators) dengan Seksyen Perancangan dan Penyelarasan dan menyediakan strategi pelaksanaan untuk mencapai KPI.
12. Menyediakan pelaporan berkala untuk pihak pengurusan, Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pemegang Amanah.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Lulus Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Pengajian Islam/Syariah/Muamalat/Kewangan/Perbankan Islam atau kelayakan yang setaraf dengannya.
2. Berpengalaman minimum 7 tahun dalam bidang berkaitan pelaksanaan muamalat syariah, semakan audit pematuhan syariah, pembangunan dokumentasi dan proses kerja berkaitan pematuhan syariah.
3. Mempunyai keperibadian dan perwatakan yang sesuai dengan tugas pengawasan syariah.
4. Berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang Fiqh Muamalat.
5. Mempunyai pengetahuan dalam pelaksanaan perundangan dan syariah, pembangunan dokumentasi, pembangunan parameter dan modul latihan berkaitan pematuhan syariah serta pengedaliannya.
6. Mempunyai kemahiran komunikasi dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan asas dalam Bahasa Arab.
7. Warganegara Malaysia dan berumur tidak melebihi 55 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

CARA- CARA PERMOHONAN

1. Sila kemukakan salinan resume, kad pengenalan, sijil akademik dan transkrip serta sijil-sijil lain yang berkaitan melalui emel ke psy@yapeim.my.
2. Sila pastikan alamat emel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.
3. Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga.
4. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan dibuat, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Tarikh tutup permohonan ialah pada **19 Ogos 2024**.